

BERITA HARIAN, SELASA, 12 JANUARI, 1982

# ASEAN bincang perkukuh k-sama ekonomi serantau

**KUALA LUMPUR.** Isnin — Pegawai-pegawai kanan ekonomi ASEAN hari ini mengadakan perbincangan bagi memperkukuh kerjasama ekonomi serantau dan pengembangan perdagangan di kalangan negara-negara anggota ASEAN.

Mereka akan menyiapkan garis panduan dan agenda mesyuarat tiga hari ke-12 Menteri Ekonomi Asean yang akan bermula di sini Khamis ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan mesyuarat tersebut dan ucapan dasarnya akan menentukan bidang dan haluan hubungan ekonomi yang boleh diratikan lagi.

Tujuh puluh tujuh orang pegawai kanan dari Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina menghadiri perbincangan dua hari yang dipengerusikan oleh Tan Sri Nasaruddin bin Mohamad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

## Kemajuan

Pegawai-pegawai itu akan meneliti syor-syor bagi penyusunan semula jentera kerjasama ekonomi ASEAN, termasuk giliran pemegang jawatan pengerusi bagi beberapa jawatankuasa.

Mereka juga akan mengkaji cara-cara melicinkan Urusetia Asean yang beribu pejabat di Jakarta, terutama untuk mengatasi kegiatan ekonomi yang semakin bertambah di kalangan negara-negara anggota.

Pegawai-pegawai akan mengkaji semula tugas dan kemajuan yang telah dicapai oleh berbagai jawatankuasa ekonomi.

Kerjasama ekonomi ASEAN dengan Kesatuan Ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Australia, New Zealand dan Kanada akan juga dibincangkan.

Perkara-perkara lain termasuk semakan semula kemajuan terhadap langkah bersama isu-isu ekonomi antara bangsa seperti peraturan berbagai fiber (MFA), perkara-perkara komoditi dan kerjasama di kalangan negara-negara membangun.

Rombongan pegawai Malaysia 20 orang diketuai oleh Tan Sri Nasaruddin.

Rombongan Indonesia 26 orang diketuai oleh Encik G. Rusli Noor, Ketua Pengarah bagi Ekonomi, Sosial dan Hubungan Kebudayaan Asling di Jabatan Hal Ehwal Luar.

Singapura yang menghantar sembilan orang wakil diketuai oleh Encik Ridzwan Dzafir, Ketua Pengarah Jabatan Perdagangan sementara Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Edgardo C. Todesillas mengetuai rombongan Filipina seramai sembilan orang.

Setiausaha Rendah Negara bagi Kewangan Thailand, Encik Chatchai Leethavorn mengetuai rombongan sembilan orang dari negaranya. — Bernama.